



Roboh struktur tambahan

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merobohkan sembilan buah struktur tambahan yang menutup longkang dan laluan awam dalam satu operasi pada Isnin.

Dalam hantaran di laman Facebook, DBKL berkata dua buah premis lagi telah membuka struktur tambahan yang dibina itu sendiri.

“Sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta telah dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

“Kesemua sisa struktur yang dirobuhkan dilupuskan oleh DBKL selepas tamat operasi.

“Manakala kesemua barangan yang dikenakan tindakan sita dibawa ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras, Kuala Lumpur untuk tindakan rekod dan dokumentasi,”

kata pihak DBKL.

Menurutnya, operasi yang dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Integriti, Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar serta Pejabat Cawangan Bukit Bintang telah melaksanakan operasi bersepadu roboh struktur haram di rizab jalan awam di sekitar kawasan Bukit Bintang.

“Antara agensi sahabat yang turut terlibat dalam operasi tersebut adalah Polis Diraja Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Pembersihan Awam serta Alam Flora,” katanya.

Dalam perkembangan lain, operasi bersepadu roboh struktur haram di rizab jalan awam dan sitaan barangan

perniagaan yang diletakkan di tempat awam turut dilakukan di kawasan Segambut 5 Januari lalu.

“Hasil daripada operasi yang dijalankan, 10 unit premis yang membina struktur tambahan hingga menutup longkang dan menutup laluan awam telah dirobuhkan. Dua lagi pemilik premis telah berjanji untuk membuka sendiri struktur sambungan di premis mereka serta membersihkan semua halangan di tempat awam.

“Selain itu, sebanyak tujuh kes sitaan serta-merta telah dilaksanakan atas kesalahan meletakkan barangan perniagaan di tempat awam di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta satu notis kompaun di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016,” ujarnya.

